

Nenek empat cucu bangga dapat sarjana

» Wanita 54 tahun mahu terus cita-cita peroleh PhD

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bharian.com.my

■ Serdang

Walaupun usia semakin bertambah, seorang nenek yang mempunyai empat cucu langsung tidak menjadikan faktor itu penghalang untuknya terus belajar dan menerima sarjana.

Disokong suami

Pada usia 54 tahun, Roziah Idrus yang juga Penolong Pengarah Bahagian Kurikulum, Kementerian Pelajaran bertekad mendapatkan Sarjana Pembangunan Sumber Manusia. Usahanya diper mudahkan

kerana mendapat dorongan suami, Azalan Mior Zainadi, 59, serta empat anak mereka.

Hasilnya, wanita dari Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan ini tersenyum lebar apabila menjadi antara 6,200 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-36 yang berakhir semalam.

Cadang sambung PhD

"Usia bukan penghalang memperbaiki diri dan saya bermotivasi menyambung pengajian bagi menambah ilmu walau pun sudah ada ijazah pertama dalam bidang pengurusan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Saya tidak menghadapi masalah belajar sambil bekerja kerana semua anak sudah besar dan Alhamdulillah, kesihatan juga baik."

"Selepas ini saya bercadang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dalam kajian mengenai



Roziah mendukung cucunya, Surah Sofea selepas majlis Konvokesyen UPM, semalam.

[FOTO NIK HARIFF HASSAN/BH]

rantau timur atau pendidikan," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, pasangan kembar, Muhammad Hakim Hashim dan Muhammad Hazim Hashim, 21, dari Skudai, Johor, gembira dapat bersama-sama naik ke pentas konvensyen menerima Diploma Pengurusan Perlادangan Makanan dan Diploma Pertanian.

"Boleh dikatakan kami tidak pernah berpisah sejak

alam persekolahan, kecuali berbeza kelas ketika di Tingkatan Dua dan Empat," kata Hakim, anak sulung daripada lima beradik.

Anak kembar kepada pasangan pemandu teksi, Hashim Bidin, 56, dan tukang masak, Rusni Harun, 46, ini merancang mengusahakan perniagaan berkaitan pertanian bagi mencari pengalaman sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas ini.